

Keberkesanan Aktiviti Bermain Menangani Tingkah Laku Disruptif kalangan Murid Prasekolah di Awal Persekolahan

BITARA

Volume 4, Issue 4, 2021: 133-141
 © The Author(s) 2021
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

The Effectiveness of Play Activities in Addressing Disruptive Behaviour among Preschool Students in Early School

Zaitun Rosli & Aliza Alias¹

Abstrak

Transisi dari rumah ke prasekolah mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak sehingga menimbulkan perubahan tingkah laku dan emosi, rasa ketegangan dan ketidaktentuan fizikal dan mental kanak-kanak. Tingkah laku disruptif seperti menangis, mengamuk dan tidak duduk diam mengganggu guru dan murid lain ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan aktiviti bermain dalam program transisi yang dilaksanakan terhadap tingkah laku dan emosi kanak-kanak yang bermasalah ketika memasuki alam persekolahan di awal tahun. Seterusnya dapat meningkatkan tumpuan dan mengadaptasi diri dalam suasana yang baru di sekolah. Pemerhatian tingkah laku menggunakan Kaedah A-B-A dan sesi temu bual telah dilakukan terhadap tiga orang kanak-kanak prasekolah sebagai subjek kajian ini. Hasil dapatan telah menunjukkan aktiviti bermain dalam program transisi menarik minat murid prasekolah serta mengurangkan tingkah laku disruptif dalam kelas. Hasil dari temu bual bersama seorang guru kelas prasekolah telah menunjukkan perubahan tingkah laku murid dalam mengadaptasikan diri ke alam persekolahan. Bermain membantu murid menguasai kemahiran sosial kerana dalam setiap permainan murid berpeluang untuk berinteraksi dengan persekitaran dan memahami dunia sebenar. Murid belajar bekerjasama dan mengatasi konflik dengan aktiviti bermain. Bila seseorang murid melalui pengalaman sosial dan emosi yang sihat, mereka dapat menyesuaikan diri kepada persekitaran di sekolah. Maka, ia menjelaskan bahawa kepentingan aktiviti bermain telah mengubah tingkah laku disruptif murid di awal persekolahan. Bermain juga dapat mengatasi masalah disruptif kalangan murid prasekolah di awal persekolahan.

Kata kunci:

Murid Pra Sekolah, Tingkah Laku Disruptif, Aktiviti Bermain.

Abstract

The transition from home to preschool influences a child's behavior thus causing behavioral and emotional changes, physical and mental tension and uncertainty of the child. Disruptive behaviors such as crying, raging and restless disturbing teachers and other students during teaching and learning sessions. Thus study was conducted to see the effectiveness of play activities in transition programs on children's troubled behavior when the schooling session started at the beginning of the year. Then to increase concentration and adapt to the new atmosphere at school. Behavioral observations done using methods A-B-A and interviews were conducted on three preschool children as the subjects of

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Corresponding Author:

Aliza Alias, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

*e-mel: eliza@ukm.edu.my

this research. The findings shown play activities in the transition program attracting preschool students as well as reducing disruptive behaviors in the classroom. Based on an interview with a preschool teacher, students have shown behavioral changes where they managed to adapt to the nature of schooling. Games and play help students to master social skills as each pupil has the opportunity to interact with the environment and has better understanding of the real world. Pupils also learn to work together and resolve conflicts with play activities. If a student goes through a healthy social and emotional experience, they are able to adapt to the school environment. Thus, it explained that the importance of play activities in changing student's disruptive behavior at the beginning of pre-schooling. Play can also resolve disruptive behaviors among preschool students at the beginning of school.

Keywords:

Pre-school Students, Disruptive Behaviour, Play Activities

Cite This Article:

Zaitun Rosli & Aliza Alias. 2021. Keberkesanan aktiviti bermain menangani tingkah laku disruptif kalangan murid prasekolah di awal persekolahan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 133-141.

Pengenalan

Tingkah laku disruptif ini timbul kerana kanak-kanak dalam proses mengadaptasi diri apabila menghadapi perubahan situasi dalam alam persekitaran yang berbeza seperti dari rumah ke prasekolah. Tingkah laku disruptif adalah tingkah laku yang mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran khususnya di dalam bilik darjah. Guru berperanan dalam merancang aktiviti dan program yang berkesan untuk mengatasi isu tingkah laku murid dalam kelas mereka. Oleh itu, wujud keperluan bagi menyediakan kanak-kanak untuk lebih peka dan bersikap positif dari sejak awal persekolahan lagi agar mereka mampu untuk berinteraksi dan bergaul dengan yakin untuk mengawal, meluahkan dan menyatakan perasaan masing-masing. Selain itu terdapat kanak-kanak prasekolah yang menghadapi masalah interpersonal, sama ada masalah dengan rakan sebaya, orang baru dilihat ataupun orang lain yang belum dikenalinya. Ini menyebabkan berlakunya gangguan emosi dan aktiviti kehidupan individu serta seterusnya mengganggu kestabilan dan keharmonian persekitarannya.

Setiap tingkah laku dilihat melalui keupayaan murid untuk mengawal, meluahkan dan menyatakan perasaan yang mereka pamerkan. Murid dapat berkomunikasi apabila merasa yakin dan mempunyai keberanian untuk berbuat demikian. Sebagai seorang guru, perubahan tingkah laku murid dapat dikenal pasti dan dinilai melalui aktiviti yang dirancang dan memberi kesan terhadap mereka apabila murid dapat menguasai kemahiran yang dikuasai. Peralihan dari rumah ke prasekolah adalah bertujuan untuk membantu kanak-kanak menghadapi perubahan dari segi pendidikan yang tidak formal dari keluarga ke alam persekolahan. Aktiviti bermain yang dilaksanakan dalam program transisi bertujuan untuk menyesuaikan diri kanak-kanak dengan persekitaran, guru dan kawan yang baru serta pendekatan yang lebih formal. Menurut Fauziah Md. Jaafar (2010), bermain merupakan aktiviti semula jadi dan keperluan bagi setiap kanak-kanak untuk meneroka dan mendapatkan keseronokan yang diingini.

Latar Belakang Kajian

Kanak-kanak yang jarang berjauhan dengan ibu bapa atau penjaga akan bermasalah apabila menjelaskan kaki ke sekolah buat pertama kalinya dan tidak dapat mengawal emosi dengan baik iaitu menangis, mengamuk dan tidak duduk diam. Tingkah laku ini boleh mengganggu proses pembelajaran dan murid yang lain. Masalah tingkah laku ini bukan sahaja memberi cabaran kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak pada hari pertama persekolahan, bahkan juga kepada guru untuk membantu mereka menyesuaikan diri ke suasana yang baru. Selama empat dan lima tahun kanak-kanak tidak pernah berpisah mahupun berjauhan dengan ibu bapa mereka, sudah semestinya mereka merasa tidak selesa apabila bersama orang lain. Rasa kurang yakin apabila bersama orang yang baru dilihat membuatkan kanak-kanak menunjukkan tingkah laku yang menyatakan mereka membantah.

Kanak-kanak menganggap bahawa guru dan pembantu pengurusan murid adalah orang asing yang baru dilihatnya. Kanak-kanak yang mengalami simptom ini hanya mempercayai ahli keluarga sahaja dan merasa kecewa jika ditinggalkan walaupun untuk satu tempoh masa yang singkat (Zakaria Stapa et al.,2012). Oleh yang demikian, guru perlu bijak mengenal pasti punca setiap perlakuan mereka serta menangani masalah yang berlaku bersetujuan dengan tahap umur kanak-kanak melalui program dijalankan mahupun aktiviti yang dirancang. Kanak-kanak yang menghadapi masa yang sukar atau menyedihkan dan mengalami kesan perpisahan boleh dibantu dengan menggunakan permainan supaya mereka boleh leka seketika dan dapat berkongsi pengalaman yang dilalui. Di mana menurut Mariana & Siti Hawa (2009), dalam kehidupan sosial kanak-kanak, bermain adalah pencetus kepada pertumbuhan perkembangan kanak-kanak dalam kemahiran sosial dan emosi. Hal ini terbukti bahawa kanak-kanak yang menghadapi masalah tingkah laku dapat diatasi dengan jalinan hubungan yang baik untuk menjadikan mereka berinteraksi dan bertolak ansur dalam membina kerjasama dan menjamin tingkah laku yang stabil. Apabila kanak-kanak dapat berkomunikasi dengan baik, mereka mudah untuk memperolehi sesuatu dan menerapkannya dalam kehidupan sehari-hari.

Prasekolah merupakan jangka masa yang menjadi penentu kepada kanak-kanak untuk mempunyai konsep kendiri bagi memperkembangkan kemahiran dan pencapaian mereka. Ia bergantung kepada komitmen dan penglibatan kanak-kanak dalam mengaktifkan diri semasa sesi pembelajaran berlangsung. Kanak-kanak terus berpotensi sekiranya dapat menerima pembelajaran yang berkualiti dengan berkesan. Menurut Mariani, 2013 bermain adalah apa saja kegiatan atau perkara yang boleh memberikan keriangan, kegembiraan dan keseronokan kepada kanak-kanak tanpa memikirkan hasil yang akan diperolehi oleh mereka. Kanak-kanak dapat menguasai kemahiran yang dipelajari sekiranya dilaksanakan melalui bermain kerana aktiviti tersebut merupakan sebahagian kegiatan harian mereka. Mereka dapat belajar tentang persekitaran dan memahami isu yang berlaku di sekeliling dalam keadaan yang menggembirakan. Kanak-kanak juga akan lebih fokus dengan segala perkara yang berkaitan dengan permainan yang mereka lakukan. Oleh yang demikian, wujud keperluan bagi menyediakan kanak-kanak untuk lebih peka dan bersikap positif dari sejak awal persekolahan lagi. Di mana mereka mampu untuk berinteraksi dan bergaul dengan yakin kerana imaginasi mereka yang tinggi (Morrison, 2000 ; & Spodek, 1973). Modifikasi tingkah laku merupakan sesuatu pendekatan sistematis untuk mengubah tingkah laku melalui pengaplikasian prinsip-

prinsip pelaziman. Ia berdasarkan teori-teori yang dikemukakan oleh pakar-pakar *behavioris* melalui Teori Pembelajaran *Behavioris*. Di mana teori ini berfokus kepada pembolehubah yang boleh dilihat, dinilai dan yang boleh dimanipulasikan. Malah teori ini menyarankan kepercayaan bahawa tingkah laku seseorang disebabkan oleh pengaruh persekitarannya.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan kaedah pemerhatian iaitu pemerhatian secara berstruktur. Pemerhatian dijalankan untuk menentukan sejauh mana keberkesanan aktiviti bermain yang dilaksanakan semasa minggu orientasi dapat diadaptasikan dalam kalangan kanak-kanak yang belum dapat menyesuaikan diri. Selain itu, pemerhatian yang dilakukan adalah untuk menentukan bagaimana kanak-kanak bertindak balas terhadap aktiviti yang dijalankan oleh guru. Di mana tindak balas ini diperhati melalui ekspresi muka, gerak-geri dan tindakan yang ditunjukkan. Untuk memudahkan data dikumpul, semua sesi pemerhatian tersebut dirakamkan dengan menggunakan video telefon bimbit tanpa disedari oleh kanak-kanak. Dengan itu rakaman ini dapat membantu membuat analisis dengan lebih mudah. Segala maklumat yang diambil telah dipersetujui oleh ibu bapa subjek sebelum kajian ini dilaksanakan.

Pada peringkat pertama kajian dijalankan secara pemerhatian untuk merekod tindak balas tingkah laku dan emosi kanak-kanak dengan guru. Pada peringkat kedua pula, temubual dijalankan dengan seorang guru kelas tersebut untuk mengetahui tingkah laku dan emosi kanak-kanak pada peringkat awal persekolahan. Analisis dari pemerhatian dan transkrip temubual digunakan bagi menentukan tingkah laku kanak-kanak. Subjek kajian adalah tiga orang kanak-kanak yang terdiri daripada seorang kanak-kanak perempuan dan dua orang kanak-kanak lelaki yang berumur lima tahun dari keluarga yang berpendapatan sederhana rendah dan tahap pendidikan ibu bapa juga di tahap sederhana iaitu setakat selesai sekolah rendah sahaja. Pemerhatian yang dijalankan ini menggunakan senarai semak tingkah laku yang dibina dan diubah suai mengikut kesesuaian berdasarkan kekerapan tingkah laku kanak-kanak. Pemerhatian menggunakan borang kekerapan tingkah laku digunakan untuk mendapatkan maklumat di samping penggunaan video rakaman untuk melihat dengan lebih teliti. Maklumat temu bual pula dianalisis untuk memperolehi data berkaitan dengan pandangan guru kelas terhadap pendekatan melalui aktiviti bermain dan faedahnya terhadap murid yang mengalami masalah tingkah laku disruptif di dalam kelas.

Dengan menggunakan borang pemerhatian yang dibina, tingkah laku kanak-kanak dicatat dan diskor untuk menentukan kekerapan berlakunya tingkah laku tertentu yang dikenal pasti sebagai perubahan tingkah laku yang negatif berubah kepada tingkah laku yang positif. Pemerhatian dijalankan secara individu menggunakan borang kekerapan tingkah laku supaya mudah untuk menilai subjek tersebut. Ia dilaksanakan selama lima minit untuk setiap subjek dengan menggunakan rakaman video bersama dengan murid yang lain. Pemerhatian ini dijalankan selama tiga minggu di awal tahun persekolahan untuk memerhatikan tiga orang subjek sahaja kerana tiga orang ini sangat menarik perhatian. Tiga orang kanak-kanak yang berumur lima tahun telah dipilih untuk dijadikan sebagai subjek kajian kerana menunjukkan tingkah laku disruptif. Kajian ini menggunakan kaedah reka bentuk A-B-A di mana A

(Baseline), B (Intervensi) dan A (Baseline - Tanpa Intervensi) dalam menguji pelaksanaan aktiviti bermain sebagai intervensi dalam pengubahsuaian tingkah laku kanak-kanak yang masih menangis, mengamuk dan tidak duduk diam di dalam kelas.

Dapatan

Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak yang disruptif atau tidak tahu duduk diam merupakan murid yang tidak dapat mengawal diri sendiri dan sentiasa melakukan sesuatu aktiviti yang mengganggu murid lain. Malah murid ini juga boleh membahayakan dirinya sendiri dan juga murid yang lain. Begitu juga kanak-kanak yang suka mengamuk dan menangis, mereka telah mengganggu proses pengajaran dengan bertindak di luar kawalan dan mengganggu rakan yang lain. Data telah dianalisis berdasarkan borang data kekerapan tingkah laku, temu bual dan pemerhatian. Berdasarkan rakaman video yang telah diambil menunjukkan tingkah laku bermasalah seperti menangis, mengamuk dan tidak duduk diam akan menjelaskan proses pembelajaran. Semasa intervensi dijalankan, kanak-kanak memberi kerjasama yang baik walaupun pada mulanya agak sukar untuk dilaksanakan. Guru perlu bersama-sama untuk mengelakkan sesuatu perkara yang tidak diingini. Terdapat perubahan dan pengurangan kekerapan tingkah laku negatif dalam kalangan kanak-kanak yang disasarkan. Terutama dalam tingkah laku menangis dan mengamuk. Murid A dan Murid B sudah mula menunjukkan minat untuk memulakan proses pembelajaran selepas diberi intervensi oleh gurunya. Manakala Murid C juga menunjukkan pengurangan dari segi pergerakan dan mahu mengikuti arahan guru.


Borang pemerhatian intervensi telah menggambarkan pengurangan tingkah laku disruptif yang dilakukan oleh kanak-kanak. Mereka telah boleh menyesuaikan diri untuk berada di kelas bersama rakan-rakan. Ini menunjukkan impak bermain dalam diri kanak-kanak boleh memberi kesan yang positif. Guru yang sudah berpengalaman menggunakan ganjaran yang berkesan mengikut tahap penguasaan kanak-kanak untuk memotivasi mereka. Ganjaran yang dimaksudkan boleh dalam pelbagai bentuk seperti menawarkan permainan untuk mereka dapat menyesuaikan diri dalam bilik darjah. Dengan erti kata lain, sesuatu rangsangan yang menyeronokkan dapat menstabilkan emosi kanak-kanak. Berikut adalah dapatan yang diperolehi melalui instrumen yang digunakan.

Jadual : Perubahan tingkah laku disruptif

Subjek	Baseline 1 Pemerhatian	Intervensi	Baseline 2 Tanpa Intervensi
Murid A Mengamuk	Sentiasa mengamuk setiap kali masuk kelas.	Menyusun puzzle	Tidak ada lagi menunjukkan sikap untuk mengamuk bila masuk ke kelas.

Murid B Menangis	Menangis bila berada di tempat duduk.	Membina bongkah	Sudah boleh di ajak berbual dan tugasan yang diberi diselesaikan dengan mudah.
Murid C Tidak Duduk Diam	Sentiasa bergerak dari satu tempat ke satu tempat.	Mereka cipta blok	Masih bergerak tetapi kurang dan boleh bergaul dengan rakan sebelah.

Jadual di atas menunjukkan penurunan dan pengurangan masalah tingkah laku bagi ketiga-tiga orang subjek dalam tempoh masa tiga minggu. Di mana murid A yang sentiasa mengamuk setiap kali masuk kelas dapat mengikut arahan guru apabila diberi aktiviti menyusun *puzzle* ketika berada di tempat duduknya. Malahan murid A telah menyelesaikan setiap tugas yang diberi guru tanpa membantah. Begitu juga dengan murid B yang suka menangis telah menunjukkan sikap yang positif dan mahu dibawa berbual oleh guru dan rakan-rakan yang lain semasa aktiviti berkumpulan untuk membina bongkah. Aktiviti ini berhasil mengubah tingkah laku yang negatif dengan memberi keyakinan kepada murid B untuk berinteraksi dengan orang lain. Murid C yang suka bergerak telah bertahan lama di tempat duduknya setelah diberi blok oleh guru untuk mereka cipta apa saja bentuk yang disukai.



Rajah 1 :Graf Sebelum, Semasa dan Selepas Intervensi

Rajah 1 menggambarkan kesan aktiviti dalam program transisi dapat mengubah tingkah laku disruptif kanak-kanak yang bermasalah dalam mengadaptasi diri ke suasana yang baru.

Hasil temu bual guru menyatakan bahawa aktiviti bermain dapat memberi keseronokan dan menghilangkan rasa kebimbangan dalam kalangan kanak-kanak. Dengan bermain kanak-kanak bebas meneroka dan menjelajah persekitarannya mengikut imaginasi mereka. Malah, daya keyakinan dan keberanian diri kanak-kanak dapat ditingkatkan, di mana mereka berpeluang untuk membina hubungan dan belajar untuk berkomunikasi dan menghormati orang lain. Penggunaan aktiviti bermain adalah satu pendekatan yang dapat membantu guru untuk mengurangkan masalah tingkah laku yang mengganggu pembelajaran di dalam kelas. Ia bukan sahaja boleh menggembirakan kanak-kanak, malah dapat melibatkan mereka secara aktif dalam pergaularan dan pembelajaran.

Guru juga menekankan bahawa, ibu bapa harus bekerjasama dalam menyelesaikan masalah tingkah laku anak mereka di awal persekolahan apabila terdapat anak-anak merasa tertekan atau takut untuk datang ke sekolah di mana ibu bapa kadang kala mengambil ringan tentang tekanan yang dihadapi oleh anak mereka. Kanak-kanak yang menghadapi masalah untuk menguruskan diri ketika di dalam kelas kerana belum bersedia untuk berdikari. Hal ini perlulah bantuan dan bimbingan dari pihak ibu bapa sebagai persediaan sebelum ke prasekolah. Selain itu, sebelum menghantar anak-anak, ibu bapa seharusnya menekankan tentang sosio emosi dan komunikasi antara rakan dan orang lain. Ini menunjukkan bahawa keluarga juga mempunyai peranan dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak.

Perbincangan

Dalam pernyataan Ginsburg, 2007), bermain adalah satu aktiviti utama dalam perkembangan kanak-kanak untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya. Erikson, 1985 juga menjelaskan bahawa kanak-kanak belajar meneroka dan berimaginasi yang tinggi melalui aktiviti bermain. Aktiviti bermain bukan saja membantu kesediaan kanak-kanak untuk mengikuti pembelajaran formal, malahan dapat memberi peluang kepada mereka untuk menyelesaikan masalah tingkah laku dalam berinteraksi sesama rakan yang lain. Malahan dapat meningkatkan kebolehan dalam menyelesaikan masalah dalaman seperti membina bangunan dengan menggunakan blok. Apabila kanak-kanak yang sedang menangis atau mengamuk diberi blok dan membiarkannya untuk membina apa saja, maka dia dengan sendirinya dapat mengawal emosinya. Pelbagai tindak balas yang dapat dilihat semasa aktiviti bermain dijalankan. Secara tidak langsung mereka mempelajari tingkah laku sosial yang baik seperti saling berkongsi dan bekerjasama. Dengan bermain kanak-kanak menguasai kemahiran bersosial dan memahami keadaan sebenar. Mereka dapat meluahkan pendapat dan mendengar pendapat orang lain. Bila kanak-kanak dapat melalui pengalaman sosial dan emosi yang sihat, mereka dapat menyesuaikan diri kepada persekitaran di sekolah.

Mengikut pernyataan Hill (2017), pembelajaran berlaku apabila pengalaman menyebabkan suatu perubahan yang agak kekal dalam pengetahuan atau tingkah laku seseorang. Ini bermaksud bahawa jika tidak ada berlakunya perubahan yang menandakan perubahan minda dan tingkah laku maka tidak ada berlakunya pembelajaran. Sebagai guru, kita perlu memberi penjelasan kepada mereka akibat daripada tingkah laku mereka tersebut supaya mereka faham dan cuba untuk berubah. Penjelasan perlu dibuat secara perbincangan dan bukannya berbentuk ancaman (Haliza Hamzah dan joy Nesamalar, 2016). Contohnya, guru

perlu menjelaskan jika mereka suka mengamuk dan menangis, mereka tidak dapat belajar dengan tenang dan akademik juga akan terjejas. Bagi menggalakkan mereka untuk belajar dengan suasana yang tenang, peneguhan terhadap tingkah laku yang diingini juga perlu dilakukan. Di mana menurut Supiah Nachiappan (2012), pemberian peneguhan oleh keluarga dan sekolah ke atas tingkah laku yang baik juga dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam membentuk tingkah laku yang positif. Perkara ini boleh membuatkan mereka dapat menyesuaikan diri dan mengurangkan tingkah laku yang negatif. Selain berperanan sebagai pendidik, pembimbing dan pengasuh kanak-kanak, guru prasekolah juga memainkan peranan pengganti ibu bapa dan sebagai model yang baik terhadap kanak-kanak. Dengan ini, kanak-kanak merasa suasana di prasekolah seperti di rumah mereka.

Kesimpulan

Aktiviti bermain yang dilaksanakan semasa program transisi adalah untuk kanak-kanak menyesuaikan diri dengan persekitaran, guru, pembantu pengurusan murid dan kawan baru serta pendekatan yang lebih formal di dalam kelas. Di samping itu, guru juga dapat menyelaraskan keperluan kognitif, emosi, kerohanian dan jasmani kanak-kanak secara menyeluruh sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan lebih berkesan. Malahan boleh meningkatkan keinginan, minat dan semangat kanak-kanak untuk datang ke prasekolah dengan penuh keyakinan tanpa ada perasaan takut. Kepentingan bermain dalam pendidikan awal kanak-kanak sudah dikenal pasti ke atas setiap kanak-kanak. Ia memberi banyak impak yang positif terhadap kanak-kanak prasekolah selain mampu menarik minat dan melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Melalui bermain juga masalah tingkah laku kanak-kanak dapat diatasi dengan berkesan. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan pengurangan masalah tingkah laku disruptif setelah menjalani intervensi penyesuaian diri melalui aktiviti bermain yang dijalankan. Seelok-eloknya sebelum anak-anak memulakan alam persekolahan, mereka telah didedahkan dengan cerita yang menarik minat anak-anak tentang sekolah yang bakal mereka hadapi supaya emosinya lebih bersedia. Ibu bapa perlu menceritakan suasana yang positif dan menyeronokkan di sekolah seperti mempunyai ramai kawan, terdapat banyak alat permainan dan belajar banyak perkara yang baru. Malahan sebagai ibu bapa perlu cekal apabila menghantar dan meninggalkan anak buat pertama kali kerana emosi ibu bapa juga banyak mempengaruhi emosi anak-anak.

Rujukan

- Abdul, M. A., Ismail, H., Mohamad, I., & Osman, Z. (2019). *Perkembangan Emosi Kanak-Kanak Menggunakan Kaedah Pengajaran Berasaskan Aktiviti Muzik*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 17-23.
- Andrea Flower, John W. McKenna, Rommel L. Bunuan, Colin S. Muething & Ramon Vega Jr, 2014. *Effects of The Good Behavior Game on Challenging Behaviors in School Settings*. Review of Educational Research, 84 (4), 546-571.
- Diana S. B., (2014). *Development Among Children*, Kuala Lumpur : Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

- Fauziah M.J., (2008). *Kepentingan Aktiviti Bermain Di Dalam Pendidikan Prasekolah*. Kedah, Malaysia : Bidang Pendidikan, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.
- Isernberg, J. P., & Jalongo M. R. (2010). *Creative Expression and Play in Early Childhood Education* (3rd ed). Upper Saddle River, New Jersey : Merill.
- Lew, M. M., Norliza. N., & Norulazilah, N., (2014). *Perkembangan Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur. Freemind Horizons Sdn Bhd.
- Loy Chee Luen. (2017). Boneka Sebagai Alat Pedagogi Dalam Perkembangan Sosial Dan Emosi Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 6, 45-56.
- Kirschner & Tomasello. (2010). *Joint Music Making Promotes Prosocial Behavior In 4 Years Old Children* : Music Educators Journal, 96 : 39-43
- Maguire, L.K., Niens, U., McCann, M. & Connolly, P. (2016). *Emotional Development Among Early School-Age Children : Gender Differences In The Role of Problem Behaviours*, *Educational Psychology*. 36 (8), 1408-1428.
- Mariani Md Nor, Adelina Asmawi, Lau Poh Li., (2014). *Memahami Main Dalam Dunia Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur. Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Morrison, G.S. (2000). *Early Childhood Education Today*. New Jersey : Prentice Hall, Inc.
- Najeemah Mohd Yusof, (2015). Identifikasi psikomotor, kognitif, sosioemosi dan bahasa dalam kalangan kanak-kanak prasekolah menggunakan pendekatan belajar melalui bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 38 (2), 53-63.
- Zaharah Osman. (2016). Perkembangan Emosi Kanak-Kanak Menggunakan Lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 5, 48-60.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekutaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Edition*, 155-172
- Zakiah Mohamad Ashari, Alina Mohd. Kosnin & Yeo Kee Jiar. (2014). *Keperluan Aktiviti Bermain dan Kepentingannya Terhadap Motivasi Kanak-Kanak Prasekolah*: *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34 (2), 156-168.
- Zaleha Damanhuri. (2017). *Perkembangan Main Dalam Kalangan Kanak-Kanak Awal*. *Jurnal Sains Sosial*, 144-155.